



KERAJAAN MALAYSIA

**Kaedah Perolehan Kerja Bagi Pelaksanaan
Projek Kerajaan Tahun 2020
(Kuat kuasa 16 Mac 2020)**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.2 Kaedah Perolehan Kerja Bagi Pelaksanaan Projek Kerajaan Tahun 2020	2
1. Pendahuluan.....	2
2. Kaedah Perolehan Kerja	2
3. Had Nilai Bagi Pihak Berkuasa Melulus	4
4. Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020	5
5. Tarikh Kuat Kuasa	5

PK 2.2 Kaedah Perolehan Kerja Bagi Pelaksanaan Projek Kerajaan Tahun 2020

1. Pendahuluan

- 1.1 Dalam usaha Kerajaan untuk merancakkan aktiviti ekonomi, penglibatan secara langsung Kerajaan dalam pelaksanaan projek atau perolehan adalah sangat penting. Oleh itu, semua projek dan perolehan yang telah diluluskan peruntukan Belanjawan Tahun 2020 hendaklah dipercepatkan pelaksanaannya supaya memberi kesan berganda kepada ekonomi negara.
- 1.2 Bagi tahun 2020, beberapa strategi pelaksanaan projek pembangunan fizikal telah dikenal pasti dan diambil tindakan oleh Kementerian Kewangan (MOF) dalam memastikan pelaksanaan projek tahun 2020 dilaksanakan mengikut perancangan.
- 1.3 Selain itu, akibat penularan virus COVID-19, Kerajaan pada 27 Februari 2020 telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020 yang turut meliputi langkah pengecualian khas secara interim ke atas tatacara perolehan kerja Kerajaan. Keadaan ini mengambil kira persekitaran ekonomi global yang tidak menentu yang memerlukan Kerajaan meningkatkan perbelanjaan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

2. Kaedah Perolehan Kerja

- 2.1 Bagi mempercepatkan proses perolehan dan meningkatkan aktiviti perniagaan bagi satu tempoh yang ditetapkan, had nilai perolehan kerja Kerajaan dinaikkan ke nilai ambang baharu seperti dalam **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
a.	Lantikan terus	Kekal had nilai sedia ada seperti dalam PP/PK2.1	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB); atau

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
			<p>ii) mempunyai PPK dan Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) (di Sabah); atau</p> <p>iii) mempunyai PPK dan Sijil Unit Pendaftaran Kerja dan Juruperunding (UPKJ) (di Sarawak).</p>
b.	Kerja <i>requisition</i> secara undian	Sehingga RM100,000	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan Jadual Kadar Kerja • Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dengan CIDB atau PUKONSA atau UPKJ dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.
c.	Sebut harga	Melebihi RM20,000 sehingga RM200,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dengan CIDB atau PUKONSA atau UPKJ dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.
		Melebihi RM200,000 sehingga RM500,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G2 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dengan CIDB atau PUKONSA atau UPKJ dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.
		Melebihi RM500,000 sehingga RM800,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dengan CIDB atau PUKONSA atau UPKJ dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
d.	Tender	Melebihi RM800,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3 hingga G7 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dengan CIDB atau PUKONSA atau UPKJ dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

- 2.2 Bagi kerja *requisition* secara undian, Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam PPK, SPKK, STB, PUKONSA atau UPKJ sahaja boleh memohon atau berdaftar dan menghadiri proses undian dan tidak mewakili pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil.
- 2.3 Bagi kerja yang melebihi RM100,000, sebut harga hendaklah dipelawa dalam kalangan kontraktor bangunan/awam/elektrik/mekanikal yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK, SPKK serta STB (jika berkenaan) atau mempunyai PPK serta sijil PUKONSA atau PPK serta UPKJ dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.
- 2.4 Bagi perolehan kerja secara sebut harga yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM800,000 dan tempoh pembinaan kurang daripada tiga (3) bulan, Agensi boleh menggunakan Inden Kerajaan mengikut format seperti dalam PP/PK4.2.
- 2.5 Kaedah perolehan seperti yang ditetapkan dalam Jadual 1 ini adalah terpakai bagi pelaksanaan semua projek kerja Kerajaan pada tahun 2020 yang diiklankan **mulai 16 Mac 2020** dan projek baharu yang disenaraikan dalam PRE 2020.
- 2.6 Sekiranya dokumen tender telah disediakan terutamanya bagi nilai perolehan melebihi RM500,000 hingga RM800,000, dokumen tender tersebut boleh digunakan untuk pelawaan secara sebut harga.

3. Had Nilai Bagi Pihak Berkuasa Melulus

- 3.1 Had nilai untuk memutuskan sebut harga oleh Jawatankuasa Sebut Harga adalah daripada melebihi RM20,000 sehingga RM800,000.

4. Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020

- 4.1 Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek yang telah diluluskan di bawah PRE 2020 ini, Agensi dibenarkan untuk mepakejkan perolehan tahunan kepada beberapa pakej yang lebih kecil dan pelawaan dibuat secara sebut harga atau undian mengikut had nilai yang ditetapkan. Langkah ini adalah untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai kontraktor dan menyegerakan penyiapan projek kerja Kerajaan.
- 4.2 Bagi projek yang dilaksanakan di bawah peruntukan PRE 2020, Agensi diberi pengecualian khas kepada Arahan Perbendaharaan (AP) 182, tanpa perlu merujuk kepada Jabatan Teknik. Agensi Kerajaan yang telah dikenal pasti bagi projek PRE 2020 adalah dilantik sebagai Agen Pelaksana Projek dan bertanggungjawab sepenuhnya dengan mematuhi peraturan kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa.

5. Tarikh Kuat Kuasa

- 5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa ke atas semua perolehan kerja Kerajaan dalam tempoh **16 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020** sahaja.
- 5.2 Sekiranya terdapat perbezaan peraturan dan tatacara perolehan dalam pekeling khusus lain, maka peraturan yang digariskan melalui pekeling ini adalah terpakai dan berkuat kuasa bagi tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.